

Dua kaki syabu dicekup polis

Posted on December 5, 2014, Friday



KEMARUK DADAH: Kedua-dua suspek semasa dibawa ke Balai Polis Siburan untuk siasatan lanjut.

PADAWAN: Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Padawan berjaya menahan dua lelaki dipercayai penagih dadah dan turut merampas dadah disyaki syabu, kelmarin.

Menurut jurucakap polis, kedua-dua suspek berusia 26 dan 36 tahun itu ditahan dalam dua serbuan berasingan iaitu di Kampung Haji Baki dan Kota Sentosa antara jam 12 tengah hari dan 1 petang kelmarin.

“Hasil pemeriksaan, polis menemui dua tiub straw yang mengandungi dadah disyaki syabu seberat kira-kira 0.22 gram daripada suspek pertama dan empat tiub straw seberat 0.33 gram daripada suspek kedua.

“Selain itu, kedua-dua suspek juga didapati positif dadah dalam ujian saringan air kencing,” kata jurucakap polis.

Kedua-dua suspek yang tidak mempunyai rekod jenayah lampau kemudian dibawa ke Balai Polis Siburan dan akan direman untuk membantu siasatan.

Ketua Polis Daerah Padawan Superintenden Pauzi Bujang mengesahkan tangkapan tersebut dan menurutnya, kes kini disiasat di bawah Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952.

“Jika disabitkan bersalah, boleh didenda tidak lebih RM100,000, penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya.